



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA. 100-8/4/3 (56)
Tarikh : 24 September 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MALAYSIA (PERKHIDMATAN AWAM) TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan kajian **Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (Perkhidmatan Awam)** (IKPM-PA) tahun 2024 yang melibatkan semua pegawai awam di peringkat Kementerian, Suruhanjaya Perkhidmatan, Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

...2/-

3. Kajian IKPM-PA dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi pegawai awam berdasarkan lima (5) dimensi iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kesejahteraan sosial dan kefungsan psikologi. Pengenalpastian indeks kesejahteraan psikologi pada peringkat awal membolehkan setiap organisasi melaksanakan tindakan intervensi yang bersesuaian dengan keperluan pegawai di agensi masing-masing.

4. Kesejahteraan merupakan salah satu rukun dalam MADANI yang amat diberi perhatian oleh YAB Perdana Menteri dan turut digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Selaras dengan hasrat tersebut, pegawai perkhidmatan awam dari semua kumpulan perkhidmatan adalah **diwajibkan** untuk menyertai kajian ini.

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dikehendaki untuk memastikan semua pegawai di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk melibatkan diri dan melengkapkan kajian melalui pautan <https://ikpm.jpa.gov.my/>. Pelaksanaan IKPM-PA akan bermula pada **1 Oktober 2024 sehingga 30 Oktober 2024**. Sebarang pertanyaan mengenai kajian IKPM-PA, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan pegawai berikut:

- i. Nama : Puan Nor Erlena binti Othman
No telefon : 03-8885 5238
E-mel : erlena.othman@jpa.gov.my
- ii. Nama : Puan Norashikin binti Imaludden
No telefon : 03-8885 5222
E-mel : norashikin.imaludden@jpa.gov.my

Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan kajian IKPM-PA amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.: Ketua Setiausaha Negara